

NO. SOALAN : 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN

[BUKIT BINTANG]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan isu penyelewengan pelaburan FELDA dan anak syarikatnya dan mengapakah tiada pendakwaan ke atas mereka yang menyebabkan kerugian ke atas FELDA dan para pelabur dan bagaimanakah usaha dibuat untuk memulihkan keyakinan para pelaburnya.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat kes di mana pihak SPRM telah menjalankan siasatan, seterusnya pihak pendakwaraya (Jabatan Peguam Negara) telah memulakan prosiding guaman jenayah di mahkamah bagi kes salah laku pecah amanah ke atas pihak-pihak yang terlibat. FELDA juga di dalam proses untuk memfailkan tindakan saman sivil terhadap pihak-pihak yang berkenaan. Selain itu, bagi pelaburan luar negara, pihak pendakwaraya juga telah memfailkan saman kerana penyelewengan dan kes ini telah melalui perbicaraan penuh di mahkamah.

Sekian. Terima kasih.